

Separuh kedua bermula positif



Saham & Anda
Zainal Ariffin Osman
Pemegang lesen Wakil Peniaga
dan Pasaran Hadapan berdaftar
di Inter-Pacific Securities Sdn Bhd

Indeks FBMKLCI dibuka pada paras 1,674.91 minggu lalu, tinggi sedikit daripada paras penutup minggu sebelumnya, 1,672.13.

Pada minggu lalu, pembukaan bagi suku ketiga dan separuh penggal bagi 2019, indeks ditutup 10.40 mata lebih tinggi kepada paras 1,682.53.

Untuk minggu baru berakhir, indeks mencecah paras tertinggi 1,694.55 pada hari Selasa.

Paras terendah yang dicatatkan minggu lalu adalah pada paras pembukaan Isnin, 1,674.91.

Pada penutup, indeks ditutup rendah selama tiga hari berturut-turut dan ditutup pada paras terendah bagi penutup minggu ini pada paras 1,682.53.

Kemasukan pelabur asing dengan belian bersih selama enam hari berturut-turut sejak minggu sebelumnya, berjaya menutup kerugian 10.10 mata pada minggu terdahulu.

Jumlah dagangan meningkat kepada 14.6 bilion dan nilai dagangan juga meningkat kepada RM10.22 bilion.

Kaunter berharga rendah, masih lagi menjadi tumpuan kepada pelabur.

Indeks dijangka turun berikutan data pekerjaan bukan pertanian yang dikeluarkan oleh Amerika Syarikat (AS), pada setiap Jumaat minggu pertama menunjukkan peningkatan 224,000 peluang pekerjaan baharu pada Jun, berbanding 75,000 pada Mei.

Dengan data terbaru ini, kemungkinan Rizab Persekutuan (Fed) untuk menurunkan kadar faedah adalah tipis dan ini akan menurunkan indeks Dow Jones dan sekali gus memberi tekanan kepada KLCI.

Antara faktor lain yang perlu diambil kira adalah mengenai perbincangan perdagangan antara AS dan China.

Antara kaunter yang mencecah 52 minggu tertinggi ialah POWER ROOT BHD RM1.76, MCOM HOLDINGS BHD RM0.315, YNH PROPERTY BHD RM2.55, YINSON HOLDINGS BHD RM6.70, FOCUS DYNAMICS GROUP BHD RM0.25, GREATECH TECHNOLOGY BHD RM1.14, PERMAJU INDUSTRIES BERHAD RM0.585, UNI WALL APS HOLDINGS BHD RM0.70, KNM GROUP BHD RM0.315, REVENUE GROUP BHD RM1.64, PENTAMASTER CORP BHD RM3.12 dan UEM EDGENTA

Pergerakan FBM KLCI



BHD RM2.95.

Untuk ulasan mingguan, KLCI melonjak 11.49 mata untuk ditutup pada 1,683.62.

Pasaran Asia Pasifik kebanyakannya meningkat pada Isnin, selepas Presiden Donald Trump dan Presiden China, Xi Jinping bersetuju untuk menangguhkan tarif tambahan dalam usaha untuk menyambung semula rundingan perdagangan.

Jumlah dagangan meningkat kepada 3.315 bilion dan nilai pasaran meningkat kepada RM2.184 bilion. Indeks Bursa ditutup lebih tinggi.

Pelabur asing adalah pembeli bersih, empat hari berturut-turut dengan nilai belian bersih sebanyak RM114.38. Jajaran pasaran adalah positif dengan 679 kaunter untung dan 214 kaunter rugi.

Kaunter untung termasuk GRE-ATEC (LP: RM1.12, +RM0.15), RH-BBANK (LP: RM5.78, +RM0.19), TM (LP: RM4.13, +RM0.13), AXIATA (LP: RM5.15, +RM0.17), PCHEM (LP: RM8.74, +RM0.34), YINSON (LP: RM6.30, +RM0.21), PENTA (LP: RM2.99, +RM0.11), DAYANG (LP: RM1.25, +RM0.07), HIBISCS (LP: RM1.13, +RM0.06), INARI (LP: RM1.66, +RM0.06), OCK (LP: RM0.525, +RM0.065), FRONTKN (LP: RM1.41, +RM0.07), dan AIRASIA (LP: RM2.79, +RM0.06).

Kaunter rugi termasuk GHLSYS (LP: RM1.42, -RM0.09) dan HUMIND (LP: RM1.02, -RM0.04).

KLCI melonjak 7.38 mata untuk ditutup pada 1,691.00. Kebanyakan pasaran saham Asia meningkat pada Selasa selepas Wall Street

mencecah paras tertinggi berikutan gencatan terkini dalam perang perdagangan antara AS-China.

Jumlah dagangan jatuh ke 2.821 bilion dan nilai pasaran meningkat kepada RM2.568 bilion. Indeks Bursa ditutup kebanyakannya lebih tinggi.

Pelabur asing terus menjadi pembeli bersih selama lima hari berturut-turut dengan nilai belian bersih RM143.84 juta.

Jajaran pasaran adalah negatif dengan 440 kaunter untung dan 450 kaunter rugi.

Kaunter untung termasuk GAMUDA (LP: RM4.00, +RM0.12), POS (LP: RM1.68, +RM0.13), AIRASIA (LP: RM2.90, +RM0.11), GKENT (LP: RM1.20, +RM0.05), DSONIC (LP: RM0.655, +RM0.035), MRCB (LP: RM0.99, +RM0.03), HU-MEIND (LP: RM1.08, +RM0.06), DRBHCORP (LP: RM2.28, +RM0.05), DIALOG (LP: RM3.34, +RM0.07) dan PESTECH (LP: RM1.25, +RM0.09).

Kaunter rugi termasuk HIBISCS (LP: RM1.09, -RM0.04), TOPGLOV (LP: RM4.81, -RM0.12) dan MYEG (LP: RM1.48, -RM0.04).

KLCI merosot 0.95 mata untuk ditutup pada 1,690.05. Pasaran saham utama Asia merosot pada hari Rabu berikutan sentimen kebimbangan pelabur terhadap perdagangan global.

Jumlah dagangan meningkat kepada 3.011 bilion dan nilai pasaran berkurangan kepada RM1.823 bilion.

Indeks Bursa ditutup bercampur-campur. Pelabur asing masih pembeli bersih, walaupun dengan kadar yang lebih perlahan.

Pelabur asing membeli bersih RM12.59 juta. Jajaran pasaran adalah positif dengan 466 kaunter untung dan 348 kaunter rugi.

Kaunter untung termasuk SI-ME (LP: RM2.31, +RM0.05), TEO-SENG (LP: RM1.21, +RM0.07), POS (LP: RM1.78, +RM0.10), DSONIC (LP: RM0.700, +RM0.045), GFM (LP: RM0.495, +RM0.04) dan GRE-ATEC (LP: RM1.14, +RM0.03).

Kaunter rugi termasuk ENGTEX (LP: RM0.705, -RM0.03), CIMB (LP: RM5.36, -RM0.08), dan YINSON (LP: RM6.24, -RM0.04).

KLCI susut 2.57 mata untuk ditutup pada 1,687.48. Pasaran Saham di Asia Pasifik ditutup bercampur-campur pada Khamis apabila data ekonomi AS yang dilaporkan adalah lebih buruk daripada jangkaan dan menguatkan lagi kebimbangan Fed akan mengurangkan kadar faedah pada mesyuarat akhir bulan ini.

Jumlah dagangan menurun kepada 2.838 bilion dan nilai pasaran menurun kepada RM1.821 bilion. Indeks Bursa ditutup kebanyakannya lebih tinggi.

Pelabur asing mula beralih arah dengan menjual bersih RM17.39 juta selepas menjadi pembeli bersih selama enam hari berturut-turut.

Jajaran pasaran adalah negatif dengan 350 kaunter untung dan 413 kaunter rugi.

Kaunter untung termasuk DAYANG (LP: RM1.36, +RM0.08), DR-BHCOM (LP: RM2.37, +RM0.08), REVENUR (LP: RM1.62, +RM0.20), TM (LP: RM4 (LP: RM1.22, +RM0.08), YINSON (LP: RM6.65, +RM0.41), PENTA (LP: RM 3.12,

+RM0.12) MFLLOUR (LP: RM0.735, +RM0.045) dan JAKS (LP: RM0.82, +RM0.045).

Kaunter rugi termasuk POS (LP: RM1.73, -RM0.05), CIMB (LP: RM5.30, -RM0.06) dan VS (LP: RM1.16, -RM0.03).

KLCI merosot 4.95 mata untuk ditutup pada 1,682.53. Pasaran saham di Asia jatuh pada Jumaat sebelum pengumuman laporan data pekerjaan bukan pertanian AS, yang mungkin akan memberikan petunjuk sama ada Fed akan mengurangkan kadar faedah pada mesyuarat dasar monetarinya.

Jumlah dagangan menurun kepada 2.576 bilion dan nilai pasaran meningkat kepada RM1.827 bilion. Indeks Bursa ditutup rendah.

Pelabur asing menjadi penjual bersih bagi hari kedua berturut-turut dengan nilai jualan bersih sebanyak RM23.25 juta.

Jajaran pasaran adalah negatif dengan 350 kaunter untung dan 413 kaunter rugi.

Kaunter untung termasuk INARI (LP: RM1.66, +RM0.05), BSTEAD (LP: RM 1.16, +RM0.06), PW-ROOT (LP: RM1.76, +RM0.14), YNHPROP (LP: RM2.55, +RM0.07), KUB (LP: RM0.37, +RM0.045), EWEIN (LP: RM0.725, +RM0.04) dan PESTECH (LP: RM 1.24, +RM0.04).

Kaunter rugi termasuk MMCCORP (LP: RM1.17, -RM0.05), (LP: RM4.28, -RM0.09), TENAGA (LP: RM13.60, -RM0.54), LHI (LP: RM0.955, -RM0.04), HIBISCS (LP: RM1.05, -RM0.03), DAYANG (LP: RM1.32, -RM0.04) dan GKENT (LP: RM1.17, -RM0.03).



08 Jul 2019
Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Bisnes • Page: 66 • Printed size: 822.00cm²
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • Item ID: MY0036539147

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

SUMMARIES

Indeks FBMKLCI dibuka pada paras 1,674.91 minggu lalu, tinggi sedikit daripada paras penutup minggu sebelumnya, 1,672.13. Pada minggu lalu, pembukaan bagi suku ketiga dan separuh penggal bagi 2019, indeks ditutup 10.40 mata lebih tinggi kepada paras 1,682.53. Untuk minggu baru berakhir, indeks mencecah paras tertinggi 1,694.55 pada hari Selasa. Paras terendah yang dicatatkan minggu lalu adalah pada paras pembukaan Isnin, 1674.91.